

**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA**

---

**KEMUDAHAN TAMBANG ANTARA WILAYAH**

---

**VERSI 1.0 (2024)**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Setiausaha Suruhanjaya Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



## KANDUNGAN

	PERKARA	MUKA SURAT
<b>TUJUAN</b>		<b>1</b>
<b>LATAR BELAKANG</b>		<b>1</b>
<b>TAFSIRAN</b>		<b>1</b>
<b>PELAKSANAAN</b>		<b>2</b>
<b>TANGGUNG JAWAB</b>		<b>3</b>
<b>KETUA JABATAN</b>		
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>		<b>3</b>
<b>TEMPOH PERALIHAN</b>		<b>3</b>
<b>PEMBATALAN</b>		<b>3</b>
<b>PEMAKAIAN</b>		<b>3</b>
<b>LAMPIRAN I</b>	<b>Tafsiran</b>	<b>5</b>
<b>LAMPIRAN II</b>	<b>Borang Pengisytiharan Wilayah Menetap Ibu Bapa</b>	<b>7</b>
<b>LAMPIRAN III</b>	<b>Senarai Pekeliling Perkhidmatan Yang Dibatalkan</b>	<b>8</b>
<b><u>Kemudahan Tambang Ziarah Wilayah</u></b>		
<b>CERAIAN SR.6.1.1</b>	<b>Kemudahan Tambang Ziarah Wilayah</b>	<b>9</b>
<b>Lampiran SR.6.1.1(A)</b>	Contoh Penentuan Had Kadar Kelayakan Tambang	15
<b>Lampiran SR.6.1.1(B)</b>	Contoh Penggunaan Laluan Lain	16
<b>Lampiran SR.6.1.1(C)</b>	Borang Pemohonan Kemudahan Tambang Ziarah Wilayah	17
<b><u>Kemudahan Tambang Ihsan Wilayah</u></b>		
<b>CERAIAN SR.6.2.1</b>	<b>Kemudahan Tambang Ihsan Wilayah</b>	<b>20</b>



**PERKARA**

**MUKA  
SURAT**

**Lampiran SR.6.2.1(A)** Borang Pemohonan Kemudahan Tambang Ihsan Wilayah 23

**Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah**

**CERAIAN SR.6.3.1** Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah 24

**Lampiran SR.6.3.1(A)** Borang Permohonan Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah 27



Jejak Dokumen:

Bil.	Ceraian (Tarikh Kemas kini/Batal)	Asal	Pindaan



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

*Public Service Department, Malaysia*

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA**

---

**KEMUDAHAN TAMBANG ANTARA WILAYAH  
VERSI 1.0 (2024)**

**TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan berhubung pemberian kemudahan tambang antara wilayah kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**LATAR BELAKANG**

2. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkelayakan diperuntukkan kemudahan Tambang Ziarah Wilayah, Tambang Ihsan Wilayah serta Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah.

**TAFSIRAN**

3. Dalam Pekeling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, tafsiran adalah seperti di **Lampiran I**.



## PELAKSANAAN

4. Dasar dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini adalah terpakai kepada pegawai dengan syarat-syarat seperti berikut:

- a) pegawai boleh menikmati kemudahan ini setelah membuat pengisytiharan wilayah menetap ibu bapa dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran II**. Pegawai boleh membuat pengisytiharan wilayah menetap ibu bapa pada bila-bila masa bagi tujuan kemudahan ini. Pengisytiharan ini hanya boleh dilakukan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dan direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan;
- b) dalam keadaan di mana ibu dan bapa menetap di wilayah yang berasingan, pegawai perlu mengisytiharkan kedua-dua wilayah menetap berkenaan;
- c) pegawai hendaklah melengkapkan borang-borang yang dilampirkan di ceraian berserta dokumen sokongan bagi tuntutan kemudahan yang berkaitan; dan
- d) perbelanjaan kemudahan tambang kapal terbang yang akan ditanggung Kerajaan meliputi keseluruhan kos tambang kapal terbang, termasuk harga tiket penerangan, cukai lapangan terbang, insurans penumpang dan caj bahan api. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan menanggung kos berkaitan tambang kapal terbang yang disebabkan kecuaian atau urusan peribadi seperti penukaran tarikh penerangan, kos lebihan bagasi dan sebagainya.

5. Pelaksanaan kemudahan tambang antara wilayah diperincikan melalui tiga (3) ceraian seperti berikut:



KOD CERAIAN	PERKARA
<b>SR.6.1.1</b>	<b>Tambang Ziarah Wilayah</b>
<b>SR.6.2.1</b>	<b>Tambang Ihsan Wilayah</b>
<b>SR.6.3.1</b>	<b>Tambang Mengiringi Jenazah dan Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah</b>

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

6. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat pengesahan terhadap pengisytiharan wilayah menetap ibu bapa pegawai dan penggunaan kemudahan dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan.
7. Ketua Jabatan juga bertanggungjawab memastikan kelulusan pemberian kemudahan tambang dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuat kuasa dan disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan sebagaimana yang telah ditetapkan.

## **TARIKH KUAT KUASA**

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2024**.

## **TEMPOH PERALIHAN**

9. Pegawai yang sedang menikmati kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal (TMWA) yang diperuntukkan di bawah Ceraian SR.6.1.1 dan belum menggunakan kemudahan tersebut bagi kelayakan tahun perkhidmatan sehingga 31 Disember 2024, pegawai boleh terus menggunakan kemudahan TMWA berdasarkan syarat kelayakan sedia ada sehingga 31 Disember 2024.

## **PEMBATALAN**

10. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan seperti di **Lampiran III** adalah dibatalkan.



## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



## LAMPIRAN I

### TAFSIRAN

**‘pegawai’** bermaksud Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik secara tetap, sementara atau kontrak (*contract of service*);

**‘keluarga pegawai’** bermaksud pasangan dan anak-anak pegawai berumur di bawah 21 tahun yang masih dalam tanggungan pegawai, termasuk anak tiri dan anak angkat yang diambil mengikut undang-undang. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak yang kurang upaya pemikiran atau hilang upaya jasmani secara kekal dan tidak berupaya menanggung dirinya sendiri, had umur di atas tidak terpakai;

**‘ibu bapa’** bermaksud ibu bapa kandung atau tiri atau angkat yang sah mengikut undang-undang;

**‘pasangan’** bermaksud isteri atau suami bagi pegawai, yang sah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia;

**‘waris’** bermaksud ibu, bapa, adik-beradik atau saudara rapat pegawai;

**‘bandar utama’** bermaksud:

- a) Labuan bagi Wilayah Persekutuan Labuan; atau
- b) mana-mana lokasi yang mempunyai akses kepada lapangan terbang, termasuk padang terbang bagi wilayah Sabah dan Sarawak.

**‘ibu negeri’** bermaksud Kuala Lumpur, Putrajaya atau ibu negeri bagi negeri-negeri di wilayah Semenanjung Malaysia;

**‘wilayah’** bermaksud Semenanjung Malaysia, Sarawak, Sabah dan Labuan;

**‘wilayah berkhidmat’** bermaksud wilayah di mana pegawai ditempatkan dan menetap; dan



**‘wilayah menetap’** bermaksud wilayah tempat tinggal ibu bapa sekiranya masih hidup atau wilayah tempat jenazah ibu bapa disempurnakan sekiranya telah meninggal dunia.



## LAMPIRAN II

### BORANG PENGISYTIHARAN WILAYAH MENETAP IBU BAPA

MAKLUMAT PEGAWAI	
Nama	:
No. Kad Pengenalan (MyKad)	:
MAKLUMAT BAPA PEGAWAI	
Nama	:
No. Kad Pengenalan (MyKad/MyPR):	
Wilayah menetap	:
Alamat di wilayah menetap	:
Tarikh meninggal dunia (jika berkaitan)	:
MAKLUMAT IBU PEGAWAI	
Nama	:
No. Kad Pengenalan (MyKad/MyPR):	
Wilayah menetap	:
Alamat di wilayah menetap	:
Tarikh meninggal dunia (jika berkaitan)	:
PERAKUAN PEGAWAI	
Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga memahami bahawa sekiranya terdapat maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	
Tandatangan: Nama: Tarikh:	
PENGESAHAN KETUA JABATAN	
Saya mengesahkan bahawa maklumat wilayah menetap ibu bapa pegawai seperti yang dinyatakan di atas adalah benar berdasarkan dokumen/ pengesahan yang dikemukakan kepada saya.	
Tandatangan: Nama: Tarikh:	

\* Pengisytiharan wilayah menetap ibu bapa perlu disertakan dengan pembuktian dokumen sokongan berkaitan seperti bil utiliti/ surat pengesahan Penghulu/ Ketua Kampung/ Akuan Bersumpah atau apa-apa dokumen yang bersesuaian. Salinan sijil kematian perlu dikemukakan sekiranya ibu bapa telah meninggal dunia.



### LAMPIRAN III

#### Senarai Pekeliling Perkhidmatan Yang Dibatalkan

Bil.	Perkara	PP Yang Dibatalkan
1.	Tambang Mengunjungi Wilayah Asal	Ceraian SR.6.1.1 Versi 1.0 (2022)
2.	Tambang Ihsan	Ceraian SR.6.2.1 Versi 1.0 (2022)
3.	Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang	Ceraian SR.6.3.1 Versi 1.0 (2022)



## CERAIAN SR.6.1.1

### KEMUDAHAN TAMBANG ZIARAH WILAYAH

#### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan Tambang Ziarah Wilayah kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak. Kemudahan Tambang Ziarah Wilayah diperkenalkan bagi menggantikan kemudahan Tambang Mengunjungi Wilayah Asal.

#### LATAR BELAKANG

2. Melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju supaya pemberian tambang diberi secara bersasar kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu bapa bagi tujuan mengunjungi mereka. Pemberian bersasar ini dapat mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan terhadap keperluan sebenar kemudahan tambang di samping meningkatkan kesejahteraan pegawai.

#### PELAKSANAAN

##### Syarat

3. Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang telah mengisyiharkan wilayah menetap ibu bapanya layak untuk diberikan kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- a) wilayah berkhidmat pegawai berbeza dengan wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan;
- b) tidak dikenakan hukuman tatatertib pada tahun kelayakan;
- c) markah penilaian prestasi terakhir pegawai sekurang-kurangnya 75%; dan
- d) pegawai hendaklah berkhidmat selama enam (6) bulan selepas tarikh lapor diri terlebih dahulu di wilayah berkhidmat yang berbeza dengan wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan bagi membolehkan pegawai menggunakan kemudahan ini untuk kali pertama.



## Kelayakan

4. Kelayakan kemudahan ini adalah tertakluk kepada tiga (3) keadaan seperti berikut:

- a) Ahli keluarga mengikut pegawai menetap di wilayah berkhidmat
  - i. pegawai dan ahli keluarga pegawai disediakan kemudahan tambang perjalanan pergi dan balik dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri atau bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan;
  - ii. pegawai dan ahli keluarga pegawai juga boleh disediakan kemudahan tambang untuk melawat ibu bapa yang menetap di wilayah selain wilayah menetap yang diisyiharkan tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai; dan
  - iii. sekiranya pegawai dan pasangan yang kedua-duanya adalah penerima kemudahan ini, maka:
    - a) hanya seorang sahaja layak menggunakan kemudahan tambang ini untuk membawa ahli keluarga melawat ibu bapa di wilayah menetap yang diisyiharkan; dan
    - b) pasangannya boleh menggunakan kemudahan tambang tersebut atas kadar bujang dalam satu (1) tahun kalender.
- b) Ahli keluarga tidak mengikut pegawai di wilayah berkhidmat
  - i. ahli keluarga pegawai yang tidak mengikut pegawai menetap di wilayah berkhidmat boleh disediakan kemudahan tambang:
    - a) dari wilayah menetap ibu bapa pegawai yang diisyiharkan ke wilayah berkhidmat pegawai; atau
    - b) dari wilayah selain wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan ke wilayah berkhidmat pegawai tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang



adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.

- ii. pegawai juga boleh disediakan kemudahan tambang untuk melawat ahli keluarga yang menetap di:
  - a) wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan; atau
  - b) wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.
- c) Pegawai bujang
  - i. pegawai disediakan kemudahan tambang perjalanan pergi dan balik dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri atau bandar utama di:
    - a) wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan; atau
    - b) wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.
  - ii. pegawai bujang yang pulang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan untuk berkahwin dengan menggunakan kemudahan tambang ini, boleh disediakan tambang perjalanan untuk membawa pasangannya ke wilayah berkhidmat.

5. Bagi pegawai yang ibu bapanya telah meninggal dunia dan jenazahnya disempurnakan di wilayah yang berbeza dengan wilayah berkhidmat pegawai, pegawai layak diberikan kemudahan tambang ini mengikut keadaan seperti berikut:-

- a) Ibu bapa meninggal dunia sebelum pegawai mengisyiharkan wilayah menetap

Kemudahan tambang diberikan dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan sahaja.



- b) Ibu bapa meninggal dunia selepas pegawai mengisyiharkan wilayah menetap

Kemudahan tambang diberikan dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke wilayah menetap yang diisyiharkan atau wilayah di mana tempat jenazah ibu bapa disempurnakan tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai.

6. Bagi pegawai yang mengisyiharkan ibu bapanya menetap di wilayah yang berasingan, pegawai hanya layak menggunakan sekali (1) sahaja kemudahan ini dalam tahun kalender tersebut.

### **Hilang Kelayakan**

7. Pegawai akan hilang kelayakan dalam keadaan berikut:

- a) berkhidmat di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan atau ibu bapa menetap di wilayah berkhidmat pegawai;
- b) diluluskan apa-apa cuti yang tidak dibayar gaji atau cuti yang dibayar separuh gaji melebihi tempoh 180 hari dalam satu (1) tahun kalender tidak layak diberikan kemudahan ini. Sekiranya pegawai telah menggunakan kemudahan ini lebih awal sebelum diluluskan apa-apa cuti yang tidak dibayar gaji atau cuti yang dibayar separuh gaji melebihi 180 hari dalam satu (1) tahun kalender, pegawai tidak layak dipertimbangkan kemudahan ini untuk tahun berikutnya;
- c) dikenakan hukuman tatatertib pada bila-bila masa dalam satu (1) tahun kalendar, tidak layak diberikan kemudahan ini dalam tahun tersebut. Sekiranya pegawai telah menggunakan kemudahan ini lebih awal sebelum keputusan hukuman tatatertib tersebut dikeluarkan, pegawai tidak layak dipertimbangkan kemudahan ini untuk tahun berikutnya; atau
- d) diperuntukkan Elaun Balik Kampung atau seumpamanya dan menggunakan tambang tersebut, tidak layak menggunakan kemudahan ini. Walau bagaimanapun, sekiranya pasangan pegawai adalah penerima kemudahan ini, pasangan boleh menggunakan kemudahan ini atas kadar bujang dalam tahun kalendar yang sama.



## **Kekerapan penggunaan**

10. Kemudahan ini diberi sekali dalam tempoh satu (1) tahun kalendar. Kemudahan yang tidak digunakan dalam tempoh satu (1) tahun kalendar akan luput dan tidak boleh dibawa ke tahun berikutnya.

## **Kadar**

11. Kadar kemudahan ini bersamaan dengan kadar tambang perjalanan laluan pergi dan balik paling dekat dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri atau bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan. Penetapan kadar adalah berdasarkan harga pasaran semasa tiket penerbangan. Contoh penentuan had kadar kelayakan tambang adalah seperti di [\*\*Lampiran SR.6.1.1\(A\)\*\*](#).

12. Pegawai juga boleh menggunakan mana-mana laluan udara/ darat/ air yang lain dan bersesuaian tertakluk kadar adalah sama atau lebih rendah dari kadar tersebut. Contoh seperti di [\*\*Lampiran SR.6.1.1\(B\)\*\*](#).

13. Pegawai hendaklah menggunakan perkhidmatan kapal terbang yang disediakan oleh syarikat penerbangan yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

14. Pasangan pegawai boleh disediakan tambang mengikut kelayakan pegawai manakala tambang bagi anak pegawai adalah mengikut kelayakan tambang Kelas Ekonomi.

## **Kaedah permohonan**

15. Permohonan kemudahan tambang ini hendaklah menggunakan borang seperti di [\*\*Lampiran SR.6.1.1\(C\)\*\*](#).

## **PEMBATALAN**

16. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.6.1.1 Tambang Mengunjungi Wilayah Asal adalah dibatalkan.



## **PEMAKAIAN**

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



## Lampiran SR.6.1.1 (A)


### Contoh Penentuan Had Kadar Kelayakan Tambang

Kadar kemudahan ini bersamaan dengan kadar tambang perjalanan laluan pergi dan balik paling dekat dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat ke ibu negeri atau bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Penetapan kadar adalah berdasarkan harga pasaran semasa tiket penerbangan.

#### Contoh Penentuan Kadar Pergi dan Balik

Wilayah berkhidmat : Semenanjung Malaysia (Putrajaya)

Wilayah menetap ibu bapa : Sarawak (Lawas)



Kadar A ialah RM140.00 (laluan darat dengan menggunakan teksi)

Kadar B ialah RM1,700.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Kadar C ialah RM700.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Had kadar kelayakan tambang : Kadar A + Kadar B + Kadar C  
: RM140.00 + RM1,700.00 + RM700.00  
: RM2,540.00



## Lampiran SR.6.1.1(B)


### Contoh Penggunaan Laluan Lain

#### Contoh Penentuan Kadar Pergi dan Balik

Wilayah berkhidmat : Semenanjung Malaysia (Putrajaya)

Wilayah menetap ibu bapa : Sarawak (Lawas)

Laluan terus: Putrajaya - KLIA - Kuching - Lawas



Kadar A ialah RM140.00 (laluan darat dengan menggunakan teksi)


Kadar B ialah RM1,700.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Kadar C ialah RM700.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Had kadar kelayakan tambang : Kadar A + Kadar B + Kadar C  
: RM140.00 + RM1,700.00 + RM700.00  
: RM2,540.00

#### Contoh Laluan Lain

Laluan lain: Putrajaya - KLIA - Kota Kinabalu - Lawas



Kadar A ialah RM140.00 (laluan darat dengan menggunakan teksi)

Kadar D ialah RM1,600.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Kadar E ialah RM500.00 (laluan udara dengan menggunakan WPUA)

Had kadar kelayakan tambang : Kadar A + Kadar D + Kadar E  
: RM140.00 + RM1,600.00 + RM500.00  
: RM2,240.00

#### Ketetapan:

Pegawai boleh menggunakan laluan lain untuk ke ibu negeri atau bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan kerana tambang tersebut lebih rendah berbanding had kadar kelayakan.

**Lampiran SR.6.1.1(C)****BORANG PERMOHONAN  
KEMUDAHAN TAMBANG ZIARAH WILAYAH TAHUN \_\_\_\_\_**

<b>MAKLUMAT PEGAWAI</b>	
Nama Pegawai:	
No. Kad Pengenalan:	
Jawatan & Gred:	
Alamat Tempat Tinggal:	
Alamat Tempat Berkhidmat:	
Tarikh Lapor Diri Di Wilayah Berkhidmat:	
Tarikh Terakhir Kemudahan Digunakan:	
<b>MAKLUMAT PASANGAN</b>	
Nama :	
No. Kad Pengenalan :	
Alamat Tempat Berkhidmat (jika berkenaan):	
Wilayah Menetap:	
<b>MAKLUMAT WILAYAH MENETAP IBU BAPA</b>	
<b>Maklumat Bapa</b>	
Nama Bapa:	
No. Kad Pengenalan Bapa:	
Wilayah Menetap Yang Diisyiharkan:	
Alamat Semasa Wilayah Menetap Bapa*:	
Ibu Negeri/ Bandar Utama Hendak Dituju**:	
<b>Maklumat Ibu</b>	
Nama Ibu:	
No. Kad Pengenalan Ibu:	
Wilayah Menetap Yang Diisyiharkan:	
Alamat Semasa Wilayah Menetap Ibu*:	
Ibu Negeri/ Bandar Utama Hendak Dituju**:	



## PERMOHONAN PEGAWAI

( ) Diri sendiri/ pasangan/ anak\*\*\* ke ibu negeri/ bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan/ wilayah lain\*\*\*

Maklumat Perjalanan Pegawai		Maklumat Perjalanan Pasangan	
Tarikh Penerbangan (Pergi)	Tarikh Penerbangan (Balik)	Tarikh Penerbangan (Pergi)	Tarikh Penerbangan (Balik)

Maklumat Perjalanan Anak					
Bil.	Nama	Tarikh Lahir	No. Kad Pengenalan/ My Kid	Tarikh Penerbangan (Pergi)	Tarikh Penerbangan (Balik)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

\*sila lampirkan tambahan nama anak sekiranya perlu

( ) Keluarga pegawai dari ibu negeri/ bandar utama\*\*\* di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan/ wilayah lain\*\*\* ke wilayah berkhidmat

Bil.	Nama Pasangan	Tarikh Perjalanan (Pergi)	Tarikh Perjalanan (Balik)
1.			

Maklumat Perjalanan Anak					
Bil.	Nama	Tarikh Lahir	No. Kad Pengenalan/ My Kid	Tarikh Penerbangan (Pergi)	Tarikh Penerbangan (Balik)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

\*sila lampirkan tambahan nama anak sekiranya perlu



## PENGESAHAN PEGAWAI

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga memahami bahawa sekiranya terdapat maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

## PENGESAHAN JABATAN

Markah Penilaian Prestasi Terakhir	
Hukuman Tatatertib Pada Tahun Permohonan	<b>Ada / Tiada***</b>

## KEPUTUSAN KETUA JABATAN

Permohonan pegawai seperti mana berikut adalah **diluluskan/ tidak diluluskan**:-

	<b>Tambang bagi pegawai/ pasangan/ anak*** ke ibu negeri/ bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan/ wilayah lain***</b>
	<b>Tambang kepada pasangan dan/ atau anak-anak*** dari ibu negeri/ bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan/ wilayah lain*** ke wilayah berkhidmat pegawai</b>

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

### Catatan

- \* Sila sertakan dokumen sokongan/ pembuktian. Tidak terpakai bagi ibu bapa yang telah meninggal dunia.
- \*\* Sekiranya ibu bapa telah meninggal dunia, sila sertakan Salinan Sijil Kematian.
- \*\*\* Potong mana yang tidak berkaitan.



## CERAIAN SR.6.2.1

### KEMUDAHAN TAMBANG IHSAN WILAYAH

#### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan Tambang Ihsan Wilayah kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak. Kemudahan Tambang Ihsan Wilayah diperkenalkan bagi menggantikan kemudahan Tambang Ihsan.

#### LATAR BELAKANG

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju supaya pemberian tambang ini diberi secara bersasar kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan bagi mengunjungi mereka. Pemberian bersasar ini dapat mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan terhadap keperluan sebenar kemudahan tambang di samping meningkatkan kesejahteraan pegawai.

#### PELAKSANAAN

##### Kelayakan

3. Pelaksanaan kemudahan ini adalah seperti berikut:
- a) diperuntukkan kepada pegawai sahaja mengikut kelayakan tambang kapal terbang yang telah ditetapkan;
  - b) diberikan kepada pegawai untuk menziarahi ibu, bapa, ibu mentua dan bapa mentua yang sakit tenat atau meninggal dunia sebanyak satu (1) kali bagi setiap individu yang dinyatakan sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai membawa jumlah maksimum sebanyak empat (4) kali sahaja];
  - c) kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik disediakan dari tempat tinggal pegawai di wilayah berkhidmat sehingga ke ibu negeri atau bandar utama di wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisytiharkan.



Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai;

- d) pasangan dan anak-anak pegawai yang tidak menetap bersama-sama pegawai di wilayah berkhidmat boleh menggunakan kemudahan ini untuk melawat pegawai yang sakit tenat dengan syarat kemudahan penerbangan itu tidak pernah digunakan bagi maksud berpindah mengikut pegawai ke tempat bertugas di wilayah berkhidmat terhad penggunaan sekali sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai di wilayah berkhidmat. Kemudahan tambang yang disediakan berdasarkan kadar penerbangan Kelas Ekonomi dan tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah berbanding kadar tambang dari wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Sekiranya kadar tambang adalah lebih tinggi, perbezaannya hendaklah ditanggung oleh pegawai;
- e) permohonan bagi tujuan menziarahi ibu/ bapa/ ibu mentua/ bapa mentua yang sakit tenat atau nazak hendaklah disertakan dengan:
  - (i) pengesahan oleh seorang Pegawai Perubatan/ Pengamal Perubatan/ Penghulu/ Ketua Kampung mengenai keadaan sakit ibu/ ibu mentua/ bapa mentua/ pegawai; atau
  - (ii) perakuan pegawai sendiri yang disokong oleh Ketua Jabatan.
- f) bagi maksud tuntutan kemudahan ini bagi tujuan menziarahi ibu/ bapa/ ibu mentua/ bapa mentua yang meninggal dunia, ia hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Kematian gemulah yang berkenaan; dan
- g) permohonan untuk menggunakan kemudahan Tambang Ihsan Wilayah hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran SR.6.2.1(A)**.

## PEMBATALAN

4. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.6.2.1 Tambang Ihsan adalah dibatalkan.



## **PEMAKAIAN**

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

**Lampiran SR.6.2.1(A)****BORANG PERMOHONAN  
KEMUDAHAN TAMBANG IHSAN WILAYAH**

<b>MAKLUMAT PEGAWAI</b>	
Nama Pegawai:	
No. Kad Pengenalan:	
Jawatan & Gred:	
Alamat Tempat Tinggal:	
Alamat Tempat Berkhidmat:	
Wilayah Menetap* Ibu/ Bapa Yang Diisyiharkan:	
Alamat Menetap Ibu/ Bapa:	
<b>PERMOHONAN</b>	
1. Kemudahan ini digunakan bagi: ( <b>sila tandakan salah satu di dalam kotak</b> )	
<input type="checkbox"/>	Diri sendiri ke ibu negeri/ bandar utama wilayah menetap ibu bapa
<input type="checkbox"/>	Pasangan dan/ atau anak pegawai ke wilayah berkhidmat
2. Tujuan Menggunakan Kemudahan:	
3. Ibu Negeri/ Bandar Utama Hendak Dituju:	
4. Tarikh Kemudahan Diperlukan:	
<b>PENGESAHAN PEGAWAI/ PENYELIA*</b>	
Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga memahami bahawa sekiranya terdapat maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	
Tandatangan:	
Nama:	
Tarikh:	
*Pengesahan Penyelia sekiranya kemudahan ini digunakan untuk pasangan dan/ atau anak pegawai.	



## **ULASAN JABATAN**

Saya mengesahkan bahawa pegawai:

Belum pernah menggunakan kemudahan ini.

Telah menggunakan kemudahan ini untuk menziarahi ibu/ bapa/ ibu mentua/ bapa mentua\*.

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

*\*Potong yang mana tidak berkenaan.*

## **KEPUTUSAN KETUA JABATAN**

Lulus/ Tidak Lulus\*

Tandatangan:

Nama:

Tarikh:

*\*Potong yang mana tidak berkenaan.*



## CERAIAN SR.6.3.1

### KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG ANTARA WILAYAH

#### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang layak. Kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah diperkenalkan bagi menggantikan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang.

#### LATAR BELAKANG

2. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 - Pelaksanaan Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, Kerajaan bersetuju supaya pemberian tambang ini diberi secara bersasar kepada pegawai yang berkhidmat di wilayah yang berbeza dengan wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan. Pemberian bersasar ini dapat mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan terhadap keperluan sebenar kemudahan tambang di samping meningkatkan kesejahteraan pegawai.

#### Kelayakan

3. Pelaksanaan pemberian kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah adalah seperti berikut:

- a) sekiranya pegawai yang meninggal dunia, kemudahan tambang kapal terbang diberikan kepada ahli keluarga pegawai untuk mengiringi jenazah pegawai ke tempat penyempurnaan atau pengebumian mayat di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan atau mana-mana wilayah lain;
- b) sekiranya ahli keluarga pegawai meninggal dunia di wilayah berkhidmat, pegawai dan ahli keluarga pegawai diberi kemudahan tambang kapal terbang untuk mengiringi jenazah ke tempat pengebumian atau penyempurnaan mayat terhad dalam Malaysia sahaja. Kemudahan tambang kapal terbang juga diberi kepada pegawai dan ahli keluarga pegawai untuk pulang semula ke wilayah berkhidmat selepas selesai urusan pengebumian jenazah; atau



- c) sekiranya pegawai bujang meninggal dunia, seorang waris diberi kemudahan tambang kapal terbang pergi dan balik untuk mengiringi jenazah pegawai ke tempat penyempurnaan atau pengebumian mayat di wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan atau mana-mana wilayah lain.
4. Sekiranya pegawai yang meninggal dunia, kemudahan Tambang Mengurus Pemindahan Barang pergi dan balik boleh diberikan kepada pasangan atau seorang ahli keluarga pegawai atau waris untuk menguruskan pemindahan barang pegawai dari wilayah berkhidmat ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan atau mana-mana wilayah lain tertakluk kadar tambang adalah bersamaan atau lebih rendah dari kadar tambang ke wilayah menetap ibu bapa yang diisyiharkan.
5. Kadar tambang kapal terbang bagi pegawai, pasangan dan waris adalah mengikut kelayakan tambang kapal terbang pegawai. Manakala, kadar tambang kapal terbang bagi anak pegawai adalah berdasarkan kadar penerbangan Kelas Ekonomi.
6. Permohonan untuk menggunakan kemudahan Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang Antara Wilayah hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran SR.6.3.1(A)**.

## **PEMBATALAN**

7. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Versi 1.0 (2022) Ceraian SR.6.3.1 Tambang Mengiringi Jenazah dan Tambang Mengurus Pemindahan Barang adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

**Lampiran SR.6.3.1(A)****BORANG PERMOHONAN  
KEMUDAHAN TAMBANG MENGIRINGI JENAZAH  
DAN TAMBANG MENGURUS PEMINDAHAN BARANG ANTARA WILAYAH**

<b>MAKLUMAT PEMOHON (PEGAWAI/ KELUARGA/ WARIS)</b>	
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Jawatan & Gred: (sekiranya berkaitan)	
Alamat Tempat Tinggal:	
Wilayah Menetap* Ibu/ Bapa Yang Diisyiharkan:	
Alamat Menetap Ibu/ Bapa Pegawai:	
Hubungan dengan Gemulah :	
<b>MAKLUMAT GEMULAH (PEGAWAI/ KELUARGA)</b>	
Nama:	
No. Kad Pengenalan:	
Alamat Tempat Tinggal:	
Destinasi Tambang:	
<b>PERMOHONAN</b>	
<input type="checkbox"/> Tambang Mengiringi Jenazah	
<input type="checkbox"/> Tambang Mengurus Pemindahan Barang	
<b>PENGAKUAN PEMOHON</b>	
Saya mengesahkan bahawa semua maklumat dan kenyataan yang diberikan adalah benar dan sah. Saya juga memahami bahawa sekiranya terdapat maklumat palsu, tidak benar atau tidak lengkap, maka saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	
Tarikh:	Tandatangan:
<b>KEPUTUSAN KETUA JABATAN</b>	
Permohonan Diluluskan/ Tidak Diluluskan *	
Tarikh :	Tandatangan: Nama: Jawatan:

\* **Catatan:** Potong yang mana tidak berkenaan.